

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 26 MAY

## KEMENANGAN BERGANDA FATIN NURFATEHAH



SINTOK, KEDAH, 26 Mei 2016 - Fatin Nurfatehah Mat Salleh, 25, atlet memanah negara yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mengharumkan nama universiti apabila dinobatkan sebagai Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2015 hari ini.

Hal ini adalah kemenangan dan pengiktirafan berganda calon Sarjana Sains Sukan di Pusat Pengajian Sains Perubatan USM itu yang juga penerima Anugerah Olahragawati USM dalam Anugerah Sukan USM dan Anugerah Pasukan Terbaik Wanita Majlis Sukan Negara malam tadi.

Hari ini, Fatin Nurfatehah mengeneppikan 4 calon utama daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan pesaing terdekatnya adalah penerjun negara, Pandelega Rinong Anak Pang dari UM.

Fatin Nurfatehah mendedikasikan kejayaannya kepada USM yang banyak menyokong dan membantunya sehingga berjaya.

"Saya amat menghargai dorongan ibu bapa dan keluarga serta USM yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjalani latihan sehingga saya berjaya.

"Saya menjalani latihan selama enam jam sehari, 3 jam pagi dan 3 jam di sebelah petang dan malamnya saya menjalani latihan kecergasan," katanya yang ditemui selepas menerima anugerah hari ini.



Anak kelahiran Sabah ini membawa pulang Piala Pusingan, Piala Iringan, sijil, blazer dan wang tunai RM3,000.

Fatin Nurfatehah meminati sukan memanah sejak di bangku sekolah rendah lagi dan menganggap sukan ini cukup menarik dan ada keunikan tersendiri.

"Saya mula berjinak dengan dunia sukan memanah sejak berumur 10 tahun dan minat itu hadir sendiri tanpa pengaruh dari sesiapa," jelasnya.

Sepanjang penglibatannya, Fatin Nurfatehah telah memenangi beberapa kejohanan dunia iaitu Kejohanan Memanah Piala Dunia 2015, (1 emas berpasukan), Kejohanan Memanah Piala Asia 2015 (1 perak berpasukan dan 1 gangsa individu), Kejohanan Memanah Asean 2015 (1 gangsa berpasukan), Sukan SEA ke-28 Singapura (3 emas untuk individu, berpasukan dan campuran).

Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Datuk Nor Sabrina Mohd Noor mewakili Menteri Besar menyampaikan anugerah-anugerah tersebut yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku tuan rumah.

Turut hadir ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak; Pengerusi MASUM Profesor Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said; Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni) USM, Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein; Pengarah Pusat

Sukan dan Rekreasi USM, Haji Mohamad Mohd Hanif serta pegawai-pegawai utama universiti dan ahli jawatankuasa Pengurusan Universiti.

Teks: Mohd Azrul Mohd Azhar



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015